

## **Rumusan**

Perniagaan saya, [REDACTED] telah mengamalkan konsep, prinsip dan andaian perakaunan dalam merekod urus niaga dalam buku-buku perakaunan. Antaranya adalah :-

### **1. Wang sebagai ukuran**

Semua urus niaga mesti direkodkan dalam bentuk wang iaitu Ringgit Malaysia (RM). Wang berfungsi sebagai alat perantaraan pertukaran dalam setiap urus niaga. Contohnya, penilaian stok dijumlahkan dalam nilai RM.

### **2. Catatan Bergu**

Setiap urus niaga direkodkan dalam dua akaun yang berasingan, iaitu satu akaun didebitkan dan satu akaun lagi dikreditkan dalam akaun yang sama. Contohnya, [REDACTED] menjual barang niaga kepada Pija Beautiful Enterprise sebanyak RM 6825 secara kredit. Dalam buku perniagaan [REDACTED], akaun Pija Beautiful Enterprise akan didebitkan dengan RM 6825 dan Akaun Jualan akan dikreditkan dengan RM 6825.

### **3. Entiti Berasingan**

Sebarang urus niaga antara perniagaan dengan pemiliknya dianggap sebagai urusan antara dua pihak yang berasingan. Akaun Modal dan Akaun Ambilan dibuka untuk merekodkan urus niaga antara pemilik dan perniagaan. Contohnya, saya ingin menggunakan wang perniagaan atas kegunaan sendiri, urus niaga ini perlu direkodkan sebagai ambilan dalam buku perakaunan perniagaan.

### **4. Tempoh Perakaunan**

Sesebuah perniagaan perlu membahagikan hayat perniagaan kepada tempoh perniagaan yang sama kerana hayat perniagaan diandaikan berterusan. Tempoh perakaunan adalah tetap bagi sesebuah perniagaan.

Contohnya, tempoh perniagaan bagi [REDACTED] adalah seperti berikut :-

- 1 Januari 2009 – 31 Disember 2009 - tempoh pertama
- 1 Januari 2010 – 31 Disember 2010 - tempoh kedua
- 1 Januari 2011 – 31 Disember 2011 - tempoh ketiga
- 1 Januari 2012 – 31 Disember 2012 - tempoh keempat